



KERTAS CADANGAN BMS 2021

Amir Hassan bin Mohd Shah
Hakimi bin Halim



Pengkarya 1

Amir Hassan bin Mohd Shah merupakan pensyarah di Jabatan Senireka Teknologi, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIMAS. Beliau berlatarbelakang sebagai pereka industri yang memfokuskan kepada rekaan automotif. Sebagai pereka berbakat besar, beliau telah memenangi banyak pertandingan rekaan industri terutamanya industri automotif dalam dan luar negara. Pada kali ini beliau ingin mencabar diri dalam penyeberangan disiplin untuk menyertai pertandingan seni Bakat Muda Sezaman 2021.



Pengkarya 2

Hakimi bin Halim merupakan Pensyarah di Program Seni Halus, Fakulti Seni Gunaan, UNIMAS. Berlatarbelakang sebagai artis fotografi dan jurufoto media, beliau telah mula aktif berpameran sejak di Peringkat Diploma semasa menuntut di UiTM termasuk Pameran History and Beyond Balai Seni Lukis Negara, Malaysia @ 50 Balai Seni Lukis Negara. Beliau juga pernah menjadi panel dalam bicara fotografi di peringkat antarabangsa dan tempatan anjuran universiti tempatan seperti UiTM Puncak Alam, Kuala Lumpur Photography Festival dan kini aktif dijemput memberi syarahan webinar seperti yang terkini Webinar Dua Negara anjuran UNIMAS – ISI Padang Panjang berkaitan Seni Halus. Pada masa ini, beliau sedang berusaha menjalani Pengajian Peringkat Doktor Falsafah dalam Pengajian Seni Halus UPSI. Beliau pernah aktif menulis di Majalah Fotografika, majalah Fotografi tempatan dan pernah menulis di Seni Kini, terbitan Balai Seni Negara.

Pendahuluan

Memetik O'Leary et al., (2016) dan Wilson, (2016), Matlamat dunia pada masa kini adalah untuk menjadikan 30 sehingga 50 peratus kawasan laut dapat menjadi Kawasan Perlindungan Marin atau dalam Bahasa Inggerisnya Marine Protected Areas (MPA) (Darwinah dan Osman, 2020, m.s 52). Ini penting untuk pengekalan ekosistem, MPA mempunyai matlamat dalam mewujudkan ekosistem yang lestari, keselamatan biodiversiti, menggalakkan struktur ekosistem, meningkatkan populasi ikan, menggalakkan ekonomi masyarakat dan memelihara nilai budaya. (O'Leary, et all, 2018). Kajian Eco Art adalah satu genre baharu seni dunia sejak dekad kebelakangan ini atas kesedaran memelihara alam sekitar. Malangnya kajian seperti ini amatlah terhad di Malaysia.

Pendahuluan

Penjagaan dan pelestarian alam sekitar memang menjadi bidang tujahan yang amat diperlukan oleh negara. Darwinah, & Osman, (2020), mencadangkan pembangunan mapan perlu digerakkan dalam membantu menjaga dan memulihara persekitaran marin berdasarkan semangat yang ditekankan dalam RMK- 11 dalam bab 6 yang menukilkan pertumbuhan hijau sebagai strategi utama. Di sini, komuniti seni dapat memainkan peranan dengan menjalinhubung kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar dan ekspresi seni.

Permasalahan Seni

Dalam kajian Eco- Art bawah air, Negara Mexico mempelopori dengan mewujudkan Cancun Underwater Museum of Art (MUSA) bagi tujuan pengekalan ekosistem bawah air dan destinasi pelancongan. Sejakbeberapa tahun ini muzium ini dipromosikan dengan giat oleh Kerajaan Mexico melalui kempen pelancongandengan menonjolkan karya- karya 3 Dimensi yang ditempatkan di dalam air karya pengarca terkenal Inggeris yang menjenamakan karya- karyanya sebagai karya enviromentalis. Menurut artis ini, karya- karya beliau adalah arca yang bertindak sebagai method konservasi. Manakala cita- cita tinggi MUSA adalah untuk mewujudkan interaksi di antara Seni dan Sains Alam Sekitar serta menunjukkan kepada masyarakat bahawa muzium ini adalah salah satu ruang seni buatan dalam air yang paling bercita- cita tinggi di dunia(Azcárate, 2018).

Permasalahan Seni

Oleh yang demikian, dalam kertas cadangan ini, dapat dilihat bahawa seni sebagai alat dalam membantu kelestarian alam sekitar adalah sesuatu yang dapat diterapkan oleh komuniti manusia. Metodi yang digunapakai oleh Mexico dalam pemuliharaan alam bawah laut menjadi inspirasi kepada kajian ini. Di Malaysia, kajian Eco Art bawah air adalah amat terhad untuk didapati. Justeru, kajian ini akan menjadi pemangkin kepada kajian- kajian Eco Art bawah laut di negara kita. Kedua- dua petikan ini mendapati bahawa komuniti seni boleh menyumbang kepada kelestarian alam melalui pengetahuan -pengetahuan seni, bagi memberi sumbangan besar kepada alam sekeliling, komuniti dan hidupan yang mendiami kawasan berhampiran peseni itu sendiri. Peseni perlu bergiat aktif bersama anggota komuniti untuk kebaikan bersama dengan menghasilkan seni yang berfungsi demi kebaikan ekosistem dan kelestarian alam.

Kelompok Seni (Research Gap)


Didapati kesemua negara ini mengekalkan kebudayaan dan warisan khazanah seni, sejarah dan laut menggunakan konsep seni sebagai konsep utama. Persoalan di sini, adakah ianya sesuai dilaksanakan di Malaysia? Persoalan tentang pertembungan seni barat dan budaya Malaysia pernah diperdebatkan terutama berkaitan penghasilan arca figuratif. Seni barat tidak menentang bentuk- bentuk figuratif benda hidup seperti arca figura suci, dewa dewi dan manusia. Pengistilahan arca dalam merujuk kepada objek- objek suci dibincangkan oleh Shahrum Yub (1980) dalam membincangkan arca sebagai objek suci. Muzium seni bawah laut di dunia kesemuanya mengagungkan bentuk- bentuk figuratif dalam pengkaryaan dan konsep yang mereka ketengahkan.

Ini adalah satu persoalan yang sekian lama didebatkan di Malaysia berkaitan isu- isu identiti seni berteraskan nuansa dan budaya tempatan. Pembinaan arca ini mempunyai implikasi kepada penduduk Malaysia yang kebanyakannya beragama Islam. Terma 'architecture sculpture', 'statue', 'cultstatue', 'statuette', 'effigy', 'bust' tidak wujud dalam Islam dan budaya Malaysia bernuansakan Islam sebagai tunjang negara kerana semua terma- terma ini adalah dari barat. (Abidin hazir dan Md Zain, 2014)

Maka, didapati bahawa konsep yang digunapakai di negara- negara yang disebutkan di atas tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia disebabkan budaya masyarakat yang berbeza walaupun niat untuk pemuliharaan alam bawah laut dengan bantuan ekspresi seni adalah langkah terpuji. Maka kajian ini mencadangkan pembinaan konsep baharu ruang seni bawah laut supaya menjadi rujukan kepada artis dan komuniti seni dalam berekspresi berdasarkan identiti Malaysia selain mewujudkan seni berfungsi untuk kebaikan ekosistem bawah laut.

Idea dan Konsep

Kajian ini akan mengambil semangat environmental art atau eco art. Konsep yang dipilih adalah konsep Rub El Hizb iaitu 2 kotak segiempat tepat yang dicantumkan menjadi bintang 8. Emblem ini banyak digunapakai oleh Kerajaan Islam lama dan juga menjadi Simbol kepada Al Quds pada zaman bani Umayyah. Ketika Islam menguasai Andalusia, simbol ini juga digunakan untuk menunjukkan kekhalifahan Islam. Walaupun simbol ini bersifat duniawi dan bukan kewajiban kepada Agama Islam, di mana Islam tidak mempunyai simbol dalam apa-apa amalan, Rub El Hizb ini dikenali sebagai adat budaya masyarakat Islam dahulu kala untuk menunjukkan kekuasaan dan kemakmuran. Binaan arca bawah laut yang akan menjadi arca berfungsi ini akan menjadikan konsep dan imejan Rub El Hizb sebagai tonggak dalam penghasilan karya. Ia menunjukkan bahawa sesuatu yang baik, bersifat memelihara, memberi kebaikan kepada alam, dan ekosistem, memberi keperluan ekonomi kepada penduduk persisir, memperbanyakkan populasi ikan, memberi kasihan belas kepada penghuni laut, mestilah bermula dari semangat keislaman dalam jatidiri pengkarya. Maka pengkarya berdua telah memilih Rub El Hizb sebagai konsep dalam pembinaan karya arca berfungsi ini



Lakaran Idea

Cadangan Size :


Tinggi 7 kaki

Lebar 7 kaki

Panjang 20 kaki


Cadangan Tajuk : Maqassid
Di Dasar Mu

Lakaran 3 D Pandangan Depan




Cadangan Tajuk : Maqassid Di Dasar Mu

Lakaran 3 D Pandangan Sisi




Cadangan Tajuk : Maqassid Di Dasar Mu

Lakaran 3 D Pandangan Atas




Cadangan Tajuk : Maqassid Di Dasar Mu

Pandangan Profile




Cadangan Tajuk : Maqassid Di Dasar Mu

Pandangan Atas



Cadangan Tajuk : Maqassid Di Dasar Mu

Pandangan Atas



Cadangan Tajuk : Maqassid Di Dasar Mu

Kebaikan Arca Berfungsi Bawah Laut

- Menambah populasi ikan
- Memelihara ekosistem bawah laut
- Bawah laut di Sarawak terkenal dengan perkataan musim landas. Iaitu musim ribut dan tengkujuh, sekiranya satu hari ia rosak di dasar laut, ia tetap terus menjadi tempat tinggal hidupan laut walau fungsi seni itu hilang tetapi objek seni itu tetap boleh menyumbang dalam tempoh masa yang lama.
- Seni ini bersifat hidup. Menampung benda- benda bernyawa. Bukan sekadar objek tidak bernyawa.

Metodologi

- Temubual dan kajian visual lapangan akan mengambil alih untuk melihat kesesuaian permukaan bawah laut dan ekosistem di kawasan sasaran untuk dijadikan model muzium seni bawah laut. Ini dilakukan dengan cara :
 1. Temubual dengan pakar alam sekitar bawah laut
 2. Temubual dengan pakar di agensi kerajaan bertanggungjawab untuk mengetahui polisi konservasi
- Kaedah eksplorasi visual akan dijalankan untuk melihat persekitaran bawah laut. Ini dilakukan dengan :
 - a. Rakaman Fotografi Still
 - b. Rakaman Video
 - c. Rakaman fotografi 360 darjah

Metodologi

- Setelah itu, imejan 3 D akan didapatkan bagi melihat kesesuaian dengan pengisian karya arca bawah laut. Maka pada peringkat ini, eksperimentasi dan eksplorasi bahantara dan medium akan dijalankan untuk penghasilan karya arca berfungsi sebagai Eco Art dan akan diletakkan di bawah laut. Kaedah eksplorasi visual dan eksperimentasi bahantara dalam penghasilan karya ini akan dijalankan dibina oleh kumpulan kami. Arca ini akan ditunjukkan kepada ahli konservasi dan data temubual sekali lagi akan di ambil untuk memvalidasi kesesuaian arca ini sebelum diletakkan di dasar laut. Seterusnya ia akan dinilai sebagai hasil seni dan secara umumnya disimulasikan dalam bentuk ruang seni.
- Setelah arca-ini ditempatkan, simulasi visual VR 360 darjah objek seni di bawah laut dihasilkan dan data ini boleh dibawa di mana- mana galeri untuk dihayati.



Lokasi

Lokasi yang dipilih adalah Pulau Satang berhampiran Pantai Santubong. Karya ini akan dipasang di bawah laut. Kawasan ini adalah Kawasan perlindungan hidupan marin yang digazetkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.



Inspirasi dan Artis Rujukan

Pengarca dan Jurufoto
berbangsa Inggeris Jason
de Caires Taylor

Muzium Bawah Laut,
Cancun Mexico



Inspirasi

Pengarca dan Jurufoto
berbangsa Inggeris Jason
de Caires Taylor

Muzium Bawah Laut,
Cancun Mexico

Rujukan

- Abidinhazir, Z., Md Zain, Z. (2014). Arca dan Patung : Suatu Kefahaman Konsep. Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni, 2, 155–166.
- Ahmad F., & Husain, A.B. (2016). Identiti visual seni catan moden Malaysia melalui media campuran dalam konteks kebudayaan. 2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology (REKA2016), 1–20.
- Aleksandrova, N.M. (2020). Priorities for the development of ecological education in the art university. Ecopoiesis: Eco-Human Theory and Practice, 1(1). [open access internet journal].
- Ali, Z. (1995, September), Dewan Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amer, M., & Identity, C. (2016). GoUNESCO Internship – Task 7, (November).
- Azcárate, M. C, (2018): Fueling Ecological Neglect in a Manufactured tourist City: Planning, Disaster Mapping, and Environmental Art in Cancun, Mexico, Journal of Sustainable Tourism, 1- 17
- Charles, C. (2016). The Purpose of Art and Artists Beyond Earth, Journal of the British Interplanetary Society, (68), 376-382.

- Charles, C. (2016). The Purpose of Art and Artists Beyond Earth, *Journal of the British Interplanetary Society*, (68), 376-382.

Darwinah, D.L, & Osman, N. H. (2020). Kawasan Perlindungan Marin di Malaysia: Ke Arah Penerapan Konsep Pembangunan Mampan. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 5 (19), 50-66.

- Garret, I. (2015), *Arts, the Environment, & Sustainability Visions*, N. C. (n.d.). *Arts, the Environment, & Sustainability*.
- Gerry, D., & Osup, C.(2021). Perubahan Fungsi dan Seni Persembahan Kuntau di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak.KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni,9(1),16-28. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.2.202>
- Hananto, Brian Alvin & Audiah, Jennifer. (2019). Analisa Visual Dari Elemen Permainan Kartu 'The Art of Batik'. *Jurnal Bahasa Rupa*. 2. 136-145.
- Jean, H. (2019), "Connecting Art and Science: An Artist's Perspective on Environmental Sustainability" (2019). *Environmental Studies Electronic Thesis Collection*. 54.University of Vermont
- Khakzad, S., & Van Balen, K. (2012). Complications and effectiveness of in situ preservation methods for underwater cultural heritage sites. *Conservation and Management of Archaeological Sites*, 14(1–4), 469–478.
- O'Leary, B. C., Winther-Janson, M., Bainbridge, J. M., Aitken, J., Hawkins, J. P., dan Roberts, C. M. (2016). Effective coverage targets for ocean protection. *Conserv. Lett.* 9, 398– 404.
- Shahrum Yub. (1980). Mah-Meri sculpture. The Department of Museums, Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Malaysia

- Smith, A., Ecologic, R., Cook, N., Ecologic, R., Victory, P., & Group, S. T. (2019). Proposed Museum of Underwater Art Project-Stage 1
- Sultan, Rapi, M. (2020) Positive Discourse Analysis of the Indonesian Government Spokesperson's Discursive Strategies during the Covid-19 Pandemic, *Journal of Language Studies*, 251- 272
- Sumber Internet
- Myers, G.N. (2012), Cancun Underwater Museum's Next Wave, *Travel Weekly* (Diperolehi di : <https://www.travelweekly.com/Mexico-Travel/Insights/Cancun-Underwater-Museums-next-wave>)